

## BAB KETIGA

### KONSEP PERBUATAN-PERBUATAN ALLAH DALAM KITAB JAWI

#### 3.1: Pengenalan

Walaupun kebanyakan ulama Kitab Jawi mengkhususkan penulisan kitab tauhid mereka kepada perbahasan berhubung dengan Sifat Dua Puluh, tetapi aspek-aspek lain yang berkaitan dengan konsep perbuatan-perbuatan Allah (*af'āl Allāh*) turut dibincangkan dalam karya tauhid mereka. Konsep tersebut ialah suatu persoalan yang berkaitan dengan matlamat dan tujuan perbuatan Allah terhadap makhluk ciptaan-Nya.

Oleh itu, dalam bab-bab ini penulis akan menumpukan pengkajian terhadap perkara tersebut dengan membincangkan pendapat para ulama Kitab Jawi mengenai persoalan perbuatan Allah (S.W.T.) yang berkaitan dengan konsep kewajipan Allah terhadap manusia. Beberapa persoalan lain yang turut dijelaskan adalah seperti kedudukan akal dan wahyu dalam menyelesaikan masalah kebaikan dan keburukan, konsep petunjuk dan penyesatan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Persoalan janji

baik dan ancaman buruk serta konsep pengutusan para Rasul juga turut dihuraikan.

Semasa membahaskan konsep perbuatan-perbuatan Allah (S.W.T.), mereka akan membuat perbandingan secara tidak langsung dengan pendapat-pendapat *mutakallimūn* yang lain seperti Mu'tazilah dan Asyā'irah. Justeru itu, kajian ini akan turut menghuraikan pandangan para *mutakallimūn* tersebut secara ringkas, kemudian baharulah diikuti oleh pendapat para ulama Kitab Jawi. Selain itu, penulis juga cuba meninjau aspek-aspek perbuatan Allah (S.W.T.) dari perspektif al-Qur'an sebagai mengimbangi pendapat-pendapat *mutakallimūn* dan para ulama Kitab Jawi.

### **3.2: Kedudukan Akal dan Wahyu**

Dalam membincangkan persoalan kebaikan dan keburukan serta *ma'rifah* Allah, para *mutakallimūn* menghadapi masalah dalam menentukannya sama ada perkara tersebut dapat dinilai menerusi akal atau syarak ataupun dengan kedua-duanya sekali. Sehubungan dengan ini, para ulama Kitab Jawi turut memuatkan

perbincangan tentang permasalahan ini dengan mengemukakan pendapat di kalangan *mutakallimūn*. Sungguhpun demikian, persoalan berkenaan dengan peranan akal ini kurang disentuh oleh ulama Kitab Jawi dalam penulisan yang berkaitan dengan ilmu tauhid.

Golongan Asyā'irah mengatakan bahawa baik dan buruk itu hanya diketahui melalui syarak. Mereka juga menolak akan kemampuan akal manusia untuk mengetahui baik dan buruk, khasnya yang berhubung dengan hak-hak Allah (S.W.T.) mahupun dalam hak-hak manusia sendiri. Dengan itu persoalan kebaikan dan keburukan tidak terjadi melainkan syarak telah menentukannya.<sup>1</sup> Ini secara tidak langsung menjelaskan tentang keterbatasan akal untuk membezakan di antara perintah dan larangan.

Selanjutnya menurut al-Baghdādī segala kewajiban dapat diketahui hanya dengan wahyu. Justeru itu, beliau menegaskan bahawa sebelum wahyu diturunkan maka tidak ada kewajiban dan larangan bagi manusia. Dalam erti kata yang lain, sebelum

---

<sup>1</sup> Al-Syahrastānī, **al-Milāl**, I, hlm. 42, 101-102; Lihat juga Zayn al-Ābidīn al-Fatāñi, **op. cit.**, hlm. 12.

datangnya wahyu konsep upah dan pembalasan baik atau jahat tidak wujud.<sup>2</sup>

Al-Ghazālī juga mengemukakan keterangan yang sama dengan al-Baghdādī berkenaan dengan keterbatasan akal. Menurut beliau akal tidak boleh menentukan kewajiban-kewajiban sebaliknya perkara tersebut hanya berlaku menerusi syarak.<sup>3</sup>

Meninjau pandangan ulama Kitab Jawi seperti Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī,<sup>4</sup> Dāwud al-Faṭānī<sup>5</sup> dan Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī,<sup>6</sup> kelihatannya mereka turut bersepakat dengan Asyā'irah berhubung dengan keterbatasan akal dalam mengetahui baik dan buruk sesuatu perbuatan itu. Lantaran itu, mereka menerangkan bahawa kewajiban mengenal (*ma'rifah*) Allah ditetapkan oleh syarak kerana menurut mereka semua ketetapan hukum ditentukan melalui syarak (wahyu).

---

<sup>2</sup> Al-Baghdādī, **Usūl al-Dīn**, hlm. 24.

<sup>3</sup> Al-Ghazālī, **al-Iqtisād**, hlm. 84.

<sup>4</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 12.

<sup>5</sup> Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 10.

<sup>6</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 7.

Melalui keterangan yang diberikan oleh para ulama Kitab Jawi tersebut, jelas menunjukkan mereka berkeyakinan bahawa akal tidak mampu untuk mengetahui persoalan baik dan buruk, khasnya yang berkaitan dengan hak-hak Allah (S.W.T.). Justeru itu, wahyu sangat diperlukan bagi menerangkan tentang persoalan tersebut kerana jika tidak ada “perintah wahyu” nescaya tidaklah perkara-perkara itu menjadi wajib kepada manusia. Selain itu, akal tidak dapat mewajibkan apa-apa kepada manusia.<sup>7</sup>

Mengulas perkara ini secara lebih lanjut Dāwud al-Fatāñī mengatakan bahawa dalil yang digunakan oleh Asya'rah ialah firman Allah yang bermaksud:

**“... dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).<sup>8</sup>**

Berpandukan ayat al-Qur'an tersebut Dāwud al-Fatāñī menjelaskan bahawa tiada hukum sebelum ada syarak iaitu sebelum Allah (S.W.T.) mengutuskan para rasul-Nya.<sup>9</sup> Ini

<sup>7</sup> Bandingkan dengan al-Ghazali, **op. cit.**, hlm. 97; Mohd. Sulaiman Yasin, **Pengantar Falsafah Islam**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 72-73.

<sup>8</sup> Al-Qur'an, Surah al-Isrā' (17): 15,

<sup>9</sup> Dāwud al-Fatāñī, **al-Durr al-Thamīn**, hlm. 10.

menunjukkan bahawa jika Allah (S.W.T.) tidak mengutus para rasul, maka manusia tidak mengetahui tentang kewajipan-kewajipannya sama ada yang berkaitan dengan hak-hak Allah (S.W.T.) atau hak-hak manusia sendiri.

⋮

Demikian juga pendapat yang diutarakan oleh Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī iaitu kewajipan-kewajipan manusia terhadap Allah (S.W.T.) hanya diketahui melalui wahyu, tetapi beliau menambahkan satu lagi syarat iaitu dengan adanya akal.<sup>10</sup>

Secara ringkasnya ini bermakna bahawa pemahaman para ulama Kitab Jawi terhadap konsep kebaikan dan keburukan adalah tidak ada kebaikan atau keburukan terhadap sesuatu perkara. Lantaran itu, setiap apa yang diperintahkan oleh Allah (S.W.T.) kepada manusia untuk melakukannya adalah baik manakala apa yang ditegah oleh-Nya adalah buruk. Dalam hal ini kesemua perkara tersebut tidak dapat ditentukan oleh akal melainkan melalui wahyu.

Berikutnya Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī turut mengemukakan

---

<sup>10</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 7.

pendapat golongan Māturīdiyyah yang berpendapat kewajiban mengenal (*ma'rifah*) Allah ditetapkan oleh akal kerana permasalahannya berbeza dengan bidang hukum agama yang lain yang harus ditetapkan melalui syarak (wahyu).<sup>11</sup>

Abū Hanīfah pula pada suatu riwayat mengatakan bahawa jika sekiranya para rasul tidak diutus oleh Allah (S.W.T.) maka diwajibkan ke atas manusia mengenal Allah (S.W.T.) dengan menggunakan akal tetapi Allah (S.W.T.) tidak akan menyiksa seseorang yang meninggalkannya.<sup>12</sup> Beliau melandaskan pendapat tersebut dengan firman Allah (S.W.T.) yang bermaksud:

**“...dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).<sup>13</sup>**

Sebaliknya golongan Mu'tazilah pula melihat konsep kebaikan dan keburukan ini dari segi akal dengan memberi penekanan yang menyeluruh kepadanya. Menurut mereka akal lebih banyak mengetahui perkara-perkara baik dan buruk sama ada yang

---

<sup>11</sup> Zayn al-'Ābidīn al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 12.

<sup>12</sup> Dāwud al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 10.

<sup>13</sup> Al-Qur'an, Surah al-Isrā' (17): 15.

berhubung dengan hak-hak Allah ataupun hak-hak kemanusiaan. Justeru itu, kedudukan akal lebih diutamakan jika dibandingkan dengan syarak. Walau bagaimanapun manusia diwajibkan untuk melakukan kebaikan dan menjauhi perbuatan buruk.<sup>14</sup>

¶

Begitu juga menurut para ulama Kitab Jawi, golongan Mu'tazilah berpendapat kewajiban mengenal (*ma'rifah*) Allah ditetapkan melalui akal manakala peranan syarak adalah sebagai memperkuatkan atau menyempurnakan apa yang telah diketahui oleh akal.<sup>15</sup>

Pendek kata, dalam persoalan kedudukan akal dan kewajiban *ma'rifah* Allah (S.W.T.) serta ketetapan hukum Zayn al-'Abidin al-Faṭāñī<sup>16</sup> dan Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī<sup>17</sup> mengutarakan tiga pendapat iaitu:

.....

---

<sup>14</sup> 'Abd al-Jabbār, *op. cit.*, hlm. 310-313; Tritton, **Muslim Theology**, Luzac, Great Britain, 1947, hlm. 86; Toshiko Izutsu, **The Concept of Belief in Islamic Theology**, Tokyo, Jepun, 1965, hlm. 12.

<sup>15</sup> Zayn al-'Abidin a-Faṭāñī, *op. cit.*, hlm. 12; Dāwud al-Faṭāñī, *op. cit.*, hlm. 10; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, *op. cit.*, hlm. 7. Lihat juga al-Ghazālī, *op. cit.*, hlm. 97; Mohd. Sulaiman Yasin, *op. cit.*, hlm. 89.

<sup>16</sup> Zayn al-'Abidin al-Faṭāñī, *op. cit.*

<sup>17</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, *op. cit.*

i) Asyā'irah yang mengatakan semua ketetapan hukum ditentukan melalui syarak manakala akal hanya menetapkan syarat-syaratnya. Begitu juga pendapat yang diikuti oleh para ulama Kitab Jawi.

;

ii) Māturīdiyyah yang membezakan antara *ma'rifah* dan hukum.

*Ma'rifah* Allah (S.W.T.) ditetapkan melalui akal manakala ketetapan hukum ditentukan oleh syarak.

iii) Mu'tazilah yang berpendapat semua ketentuan hukum termasuk *ma'rifah* Allah (S.W.T.) ditetapkan oleh akal. Justeru itu, menurut mereka lagi perkara baik dan buruk dapat diketahui melalui akal.

Daripada keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa Mu'tazilah dan Maturidiyyah bersepakat berkenaan dengan persoalan *ma'rifah* Allah (S.W.T.). Mereka menetapkan perkara tersebut dapat diketahui berdasarkan akal.

Meninjau persoalan ini dari sudut al-Qur'an, akal merupakan suatu keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah (S.W.T.) kepada manusia. Akal bukan semata-mata perhiasan bagi manusia malah

untuk menilai setiap perbuatan manusia sama ada ia memberi faedah ataupun membawa kemudarat.

Lantaran itu, Allah (S.W.T.) menasihati orang yang berakal dan mengancam mereka di akhirat nanti. Buktiunya:

**“Dan tiadalah kehidupan dunia ini, selain dari bermain-main dan senda gurau belaka. Sesungguhnya akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Maka tidakkah kamu memahaminya (*ta’qilūn*).”<sup>18</sup>**

Bagaimanapun akal tidak dibiarkan bersendirian, tetapi ia diperkuatkan pula dengan ilmu pengetahuan. Dalilnya:

**“Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buatkan untuk manusia dan tiada yang memahaminya kecuali orang yang berilmu (*al-‘Alimūn*).”<sup>19</sup>**

Justeru itu, Allah (S.W.T.) tidak membiarkan manusia yang tidak menggunakan akalnya dengan begitu sahaja, malah Allah

---

<sup>18</sup> Al-Qur'an, Surah al-An'ām (6): 32. Perkataan *ta’qilūn* di dalam al-Qur'an disebut sebanyak 24 kali, lihat 'Abd al-Bāqī, **al-Mu'jam al-Mufahras**, hlm. 468-469.

<sup>19</sup> Al-Qur'an, Surah al-Ankabūt (29): 43; Surah Āli-'Imrān (3): 18.

(S.W.T.) mencela dan menganggap mereka lebih hina daripada binatang.<sup>20</sup> Firman-Nya:

**“Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutlah apa yang diturunkan oleh Allah, mereka menjawab: Tidak, tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati daripada perbuatan nenek moyang kami. (Apakah mereka akan mengikuti juga) walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui sesuatu apapun dan tidak mendapat petunjuk.”<sup>21</sup>**

Orang yang berakal juga dijelaskan dengan cara yang paling baik menerusi al-Qur'an, kemudian diberikan ganjaran yang besar di sisi Allah (S.W.T.). Dalilnya:

**“Allah memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendakinya. Barangsiapa yang diberikan hikmah, sesungguhnya telah diberikan kebaikan yang banyak dan tidak ada yang mengambil pelajaran kecuali orang yang berakal (*Ulū al-Albāb*).”<sup>22</sup>**

Melalui ayat-ayat al-Qur'an yang telah dikemukakan jelas membuktikan bahawa Islam memberikan kebebasan kepada akal fikiran manusia untuk menetapkan perkara baik dan buruk,

---

<sup>20</sup> Lihat Lutpi Ibrahim, “The Relation of Reason and Revelation in the Theology of al-Zamakhsyari and al-Baydawi”, dlm. **Islamic Culture**, Hyderabad, LIV, no. 2 (1980), hlm. 64-65.

<sup>21</sup> Al-Qur'an, Surah Luqmān (31): 21; Surah al-Baqarah (2): 171; Surah al-A'rāf (7): 179; Surah al-Anfal (8): 22; Surah al-Furqān (25): 44.

<sup>22</sup> Al-Qur'an, Surah al-Baqarah (2): 269.

walaupun tidak secara mutlak.

Selain itu, manusia merupakan makhluk Allah yang paling mulia jika dibandingkan dengan makhluk yang lain. Keistimewaan mereka bergantung kepada akal fikiran yang menjadi perbezaan di antara kebaikan dan keburukan. Walau bagaimanapun manusia mempunyai pelbagai kekurangan dan kelemahan serta tidak mampu untuk menyelami hakikat ilmu Allah kerana sememangnya tidak seorangpun yang dapat mencapainya melainkan Allah (S.W.T.) sendiri.<sup>23</sup>

### **3.3: Konsep Perbuatan Allah Dan Tujuannya**

Konsep perbuatan Allah sama ada mempunyai tujuan atau manfaat bagi Allah (S.W.T.) sendiri atau kembali tujuan atau manfaat itu untuk hamba-hamba-Nya atau sebaliknya turut dihuraikan dan dibahaskan oleh para ulama Kitab Jawi melalui karya tauhid mereka.

---

<sup>23</sup> Lihat al-Ghazālī, **al-Munqidh**, Maktabah al-Anjelin al-Miṣriyyah, Kaherah, Cet. Ke-IV, 1964, hlm. 67.

Dalam membincangkan persoalan perbuatan Allah, Asyā'irah mengatakan Allah (S.W.T.) tidak harus melakukan sesuatu kerana adanya tujuan dan kemaslahatan tertentu, malahan tujuan tersebut bergantung kepada kekuasaan dan kehendak Allah (S.W.T.).<sup>24</sup> Walaupun Allah mengetahui kebaikan dan kemaslahatan manusia, namun pengetahuan tersebut tidak menjadi sebab dan musabab untuk Allah (S.W.T.) berbuat sesuatu.<sup>25</sup> Mereka berpendapat sedemikian lantaran mereka mempercayai kekuasaan Allah adalah kekuasaan yang mutlak.

Mereka berpegang kepada *naṣ* al-Qur'an dalam Surah Hud (11):108; yang bermaksud: "Sesungguhnya Tuhanmu, Maha Berkuasa untuk melakukan apa yang dikehendakinya." Dengan ini perbuatan Allah semata-mata berdasarkan kekuasaan mutlak-Nya dan tidak bergantung kepada sebarang tujuan kepada manusia.<sup>26</sup>

<sup>24</sup> Al-Rāzī, **al-Tafsīr al-Kabīr**, XVII, Maṭba'ah Majlis Dā'irat al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah, Hyderabad, Cet.I, 1353H, hlm. 11.

<sup>25</sup> \_\_\_\_\_, **al-Muhassal**, hlm. 205.

<sup>26</sup> **Ibid.**; Lihat juga 'Abduh, **Hasyiyah 'Alā al-'Aqā'id al-'Adudiyah**, IX, Tahqīq Dr. Sulaymān Dunya dlm. Al-Syaikh Muḥammad 'Abduh bayn al-Falsafah wa al-Kalāmiyyin, Maktabah Ḫāṣ al-Bābī al-Halabī, Kaherah, 1958, hlm. 558.

Al-Asy'arī sendiri menginterpretasikan ayat tersebut sebagai menunjukkan Allah berbuat segala apa yang dikehendaki-Nya.<sup>27</sup> Justeru itu, kekuasaan Allah untuk menciptakan sesuatu benda berdasarkan kepada perintah-Nya “*kun*” (jadilah), dengan tidak mengambil kira apa yang akan berlaku sebaliknya.<sup>28</sup>

Al-Sanūsī<sup>29</sup> dan seterusnya para ulama Kitab Jawi<sup>30</sup> nampaknya turut menegaskan perkara yang sama dengan mengemukakan bahawa Allah (S.W.T.) tidak mengambil manfaat daripada segala yang diciptakan-Nya dan tidak juga mengambil manfaat daripada segala perbuatan dan ketentuan hukum yang ditetapkan-Nya. Al-Sanūsī misalnya mengatakan:

“...Allah Maha Suci daripada setiap yang lainnya dan tidak mengambil faedah daripada setiap perkara yang diciptakan-Nya dan daripada hukum yang ditetapkan-Nya dan bagaimana Allah boleh berhajat kepada

---

<sup>27</sup> Al-Asy'arī, **al-Ibānah**, hlm. 47.

<sup>28</sup> **Ibid.**, hlm. 87.

<sup>29</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 40.

<sup>30</sup> Muhammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 34; **Syarh Uṣūl al-Tahqīq**, (t.p.), hlm. 14, 16, 20; ‘Abd al-Qādir al-Mandili, **Perisai Bagi Sekalian Mukallaf**, Maṭba'ah al-Anwār, Mesir, 1380H/1961M, hlm. 32; Husayn Nāṣir al-Banjārī, **Hidāyah al-Mutafakkirin**, hlm. 22; **Uṣūl al-Tawḥīd**, hlm. 22; Muhammad Tayyib al-Banjārī, **Miftah al-Jannah**, hlm. 11; ‘Abd al-Ghanī Yahyā dan Umar Yūsuf, **op. cit.**, hlm. 19; **Uṣūl al-Tahqīq**, (t.p.), hlm. 23.

**faedah-faedah tersebut sedangkan Allah adalah Maha Suci daripada segala sesuatu.”<sup>31</sup>**

Justeru itu, semua ciptaan dan hukum-Nya tidak mendatangkan manfaat kepada Allah (S.W.T.). Misalnya pada penciptaan manusia dan juga dalam penetapan hukum seperti wajib sembahyang lima waktu, zakat dan puasa,<sup>32</sup> tetapi sekiranya Allah (S.W.T.) menjadikan tiap-tiap sesuatu untuk faedah dan maslahat yang kembali kepada makhluk-Nya adalah semata-mata kerana kelebihan dan belas kasihan-Nya.<sup>33</sup>

Sehubungan ini, Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī menerangkan bahawa maksud mengambil manfaat ialah sebab yang mendorong Allah (S.W.T.) untuk menciptakan sesuatu atau menetapkan sesuatu hukum kerana ingin memperoleh manfaat, sama ada manfaat itu untuk diri-Nya atau untuk makhluk-Nya atau untuk menolak kebinasaan yang akan menimpa-Nya. Perkara-perkara tersebut adalah mustahil bagi Allah (S.W.T.).<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 89.

<sup>32</sup> **Ibid.**

<sup>33</sup> 'Abd al-Ghanī Yaḥyā dan 'Umar Yūsuf, **op. cit.**, hlm. 19.

<sup>34</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 40, 89. Selanjutnya lihat Muḥammad Zayn b. Faqih Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 34.

Menurut Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī lagi bahawa faktor yang menyebabkan Allah tidak berkehendak kepada memperolehi faedah daripada ciptaan dan hukum yang ditetapkan-Nya adalah kerana Allah Maha Kaya daripada perkara-perkara yang tersebut. Begitu juga maslahat yang kembali kepada-Nya atau kepada makhluk-Nya adalah mustahil bagi Allah (S.W.T.). Beliau menjelaskan bahawa kemustahilan ini bertujuan untuk membuktikan bahawa Allah (S.W.T.) Maha Kaya daripada berkehendak menghasilkan faedah-faedah daripada sesuatu perkara.<sup>35</sup>

Selanjutnya Zayn al-Ābidīn menghuraikan maksud maslahat yang kembali kepada Allah (S.W.T.). Menurut beliau perkara tersebut adalah mengenai faedah yang akan diperolehi oleh Allah (S.W.T.) daripada sesuatu penciptaan dan hukum yang ditetapkan-Nya seperti berkehendakkan supaya manusia mengagungkan-Nya. Lantaran itu apabila manusia mengagungkan-Nya maka ia seolah-olah menyempurnakan sifat Allah (S.W.T.). Maka perkara sedemikian adalah mustahil bagi Allah kerana Allah Maha Sempurna.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 89. Selanjutnya lihat Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 34.

<sup>36</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**; Selanjutnya lihat Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**

Manakala maksud maslahat yang kembali kepada makhluk-Nya ialah tentang faedah yang akan diperolehi oleh makhluk-Nya daripada penciptaan dan hukum yang ditetapkan-Nya seperti makanan dan pakaian atau perkara yang lain di dunia dan seterusnya kenikmatan-kenikmatan di akhirat nanti. Perkara yang sedemikian juga tegas beliau adalah mustahil kerana Allah (S.W.T.) adalah *Khāliq* yang menciptakan manusia dengan segala sifatnya.<sup>37</sup>

Lantaran itu, jika maslahat tersebut menjadi tujuan Allah menciptakan atau menetapkan hukum, ini bermaksud kesempurnaan Allah bergantung kepada faedah tersebut dan Allah berkehendak kepada menjadikan faedah tersebut. Maka kesempurnaan Allah yang bergantung kepada faedah itu adalah mustahil kerana Allah Maha Kaya daripada perkara-perkara tersebut.<sup>38</sup>

Perkara yang sama turut dikemukakan oleh Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambawī dengan mengatakan bahawa segala perbuatan dan hukum-hukum Allah (S.W.T.) tidak mempunyai

<sup>37</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 89. Selanjutnya lihat Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 34.

<sup>38</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatānī, **op. cit.** Selanjutnya lihat Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**

maksud dan tujuan yang tertentu. Seterusnya beliau menambah bahawa firman Allah (S.W.T.) dalam Surah al-Dhāriyāt (51):56, yang bermaksud: "Dan Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku," adalah bertujuan menyatakan hikmah menjadikan manusia dan jin bukan bertujuan menyatakan maksud dan tujuan tertentu.<sup>39</sup>

Beralih pula kepada pendapat Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, beliau menegaskan bahawa maksud firman Allah (S.W.T.) dalam Surah al-Dhāriyāt (51): 56, ialah tentang peranan manusia mencari tuhan untuk disembah dan ditaati. Selanjutnya beliau bersepakat mengenai kemustahilan Allah menjadikan segala perbuatan dan hukum-Nya kerana ingin memperolehi sesuatu maslahat kerana menurut beliau perkara tersebut akan mengimplikasikan kekurangan bagi Allah (S.W.T.).<sup>40</sup>

Lantaran itu, penekanan beliau dalam persoalan ini adalah untuk membuktikan Allah (S.W.T.) Maha Sempurna serta tidak berkehendak kepada sesuatu untuk menyempurnakan-Nya.

---

<sup>39</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 21.

<sup>40</sup> Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 13.

Manakala segala sesuatu berkehendak kepada Allah (S.W.T.) disebabkan sifat Maha Kaya yang terdapat pada-Nya.<sup>41</sup>

Dalam pada itu Dāwud al-Faṭānī juga nampaknya mengutarakan pandangan yang tidak jauh berbeza dengan para ulama Kitab Jawi yang lain berhubung dengan kemustahilan Allah (S.W.T.) mengambil faedah atau manfaat daripada segala hukum atau perbuatan-Nya:

◆◆◆◆◆

*“... atau ada Ia bersifat *gharad* iaitu *illah* yakni kerana yang membangkitkan dengan tergagah atas (mengambil) *maṣlahah* yang kembali kepada-Nya atau kepada makhluk-Nya atau menolak daripada kebinasaan pada *af’āl*-Nya dan hukum-Nya. (Maka) misal pada *af’āl* itu seperti mengadakan dan meng’adamkan dan menjadikan dan memberi rezeki. (Dan) misal pada hukum-Nya itu seperti mewajibkan sesuatu dan mengharamkan. Maka adalah *gharad* pada keduanya itu atas Allah Ta’ala mustahil.”<sup>42</sup>*

◆◆◆◆◆

Alasan kemustahilan tersebut dinyatakan oleh beliau sebagai berikut:

*“... kerana yang berkehendak mengambil *gharad* di dalam keduanya menunjukkan kekurangannya meski hendak menyempurnakan dia dan Allah Ta’ala telah Kaya daripada segala yang tersebut itu,*

<sup>41</sup> **Ibid.**, hlm. 34-35.

<sup>42</sup> Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 40.

**mustahil bagi-Nya mengerjakan dan menegahkan dengan *gharad*. Maka yang berkehendak kepada *gharad*, yang baharu lagi kekurangan, hendak menyempurnakan kekurangan-Nya....”<sup>43</sup>**

Namun begitu, Zayn al-Ābidīn al-Fatānī<sup>44</sup> dan Muhammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī<sup>45</sup> melihat konsep ini secara lebih adil dan menyeluruh. Mereka menerangkan meskipun semua hukum dan ciptaan-Nya tidak mempunyai tujuan tertentu, tetapi mempunyai hikmah walaupun tidak diketahui oleh akal manusia. Jika tidak demikian maka ciptaan dan ketentuan hukum-Nya akan menjadi sia-sia. Justeru itu, mereka berpendapat bahawa perkara yang seperti ini adalah mustahil dan bertentangan pula dengan sifat kebijaksanaan Allah (S.W.T.).

Dalam kaitan ini Zayn al-Ābidīn al-Fatānī membezakan di antara tujuan dan hikmah. Bagi beliau tujuan bermaksud dalam proses penciptaan dan penetapan hukum itu terdapat sesuatu yang

<sup>43</sup> Dāwud al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 40-41.

<sup>44</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 40.

<sup>45</sup> Muhammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 21.

membangkitkan keinginan untuk Allah (S.W.T.) melakukan perkara sedemikian. Manakala hikmah pula bermaksud Allah (S.W.T.) menciptakan sesuatu tanpa mempunyai sebab dan tujuan tertentu. Dengan yang demikian, Allah (S.W.T.) menciptakan sesuatu dengan keinginan-Nya sendiri tanpa mempunyai apa-apa kepentingan sama ada untuk diri-Nya atau untuk makhluk-Nya.<sup>46</sup>

Sementara itu bagi Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī perbezaan antara tujuan dan hikmah adalah seperti seorang yang menggali perigi kerana berkehendakkan air. Jika dalam penggalian itu ia memperolehi air maka dinamakan tujuan sebaliknya jika ia memperolehi emas maka dinamakan sebagai hikmah.<sup>47</sup> Tegasnya pendapat-pendapat tersebut mempunyai pengertian yang sama iaitu Allah (S.W.T.) dalam penciptaan dan penetapan hukum-Nya tidak dipengaruhi oleh sesuatu kepentingan sama yang tersurat atau tersirat.

Sebagai kesimpulannya, dalam membincangkan persoalan perbuatan Allah (S.W.T.), para ulama Kitab Jawi menerangkan Allah

---

<sup>46</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 40, 89.

<sup>47</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 21.

(S.W.T.) tidak harus melakukan sesuatu kerana mempunyai tujuan atau kemaslahatan tertentu sama ada untuk manfaat-Nya atau untuk manusia. Mereka berpendapat demikian adalah untuk menunjukkan kesempurnaan Allah (S.W.T.) daripada segala kekurangan. Dalam pada itu, mereka tetap berkeyakinan bahawa segala perbuatan Allah (S.W.T.) mempunyai hikmah yang tertentu bagi mengelakkannya menjadi sia-sia.

Melihat persoalan ini dari perspektif al-Qur'an, Allah (S.W.T.) menggambarkan tentang kepentingan ciptaan-Nya yang dihubungkait dengan kesesuaian tempat dan keadaan untuk menunjukkan ciptaan-Nya mempunyai manfaat yang tertentu. Antaranya ialah :

1. Surah al-Anbiā' (21): 16

**"Dan Kami (Allah) tidak jadikan langit dan bumi serta di antara kedua-duanya sia-sia".**

2. Surah Āli-'Imrān (3): 191

**"Wahai Tuhan kami, Engkau tidak menciptakan ini dengan sia-sia".**

### 3. Surah al-Dhāriyāt (51): 56

**“Dan Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan menyuruh mereka menyembah-Ku”.**

Ayat-ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa perbuatan-perbuatan Allah (S.W.T.) mempunyai tujuan tertentu dalam erti kata Allah (S.W.T.) memberikan segala kebaikan kepada makhluk-Nya. Manakala manusia haruslah menggunakan kesempatan tersebut sesuai dengan kemampuan yang dimiliki serta untuk melakukan ketaatan dan meninggalkan segala larangan-Nya.

#### **3.4: Konsep Kewajipan Allah Terhadap Manusia**

Konsep kewajipan Allah (S.W.T.) terhadap manusia dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya turut dibincangkan oleh para ulama Kitab Jawi dalam karya tauhid mereka.

Bagi Asyā'irah, lantaran pemahaman mereka yang mengatakan Allah mempunyai kekuasaan mutlak ke atas manusia maka Allah dapat berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Interpretasi tersebut menyebabkan Allah tidak mempunyai sebarang

kewajiban ke atas manusia.<sup>48</sup> Al-Ghazālī, umpamanya pernah menegaskan bahawa perbuatan Allah (S.W.T.) bersifat ‘harus’ iaitu tidak wajib, malah tidak ada sesuatupun kewajiban pada Allah.<sup>49</sup>

Golongan Mu’tazilah pula berpendapat sebaliknya kerana menurut mereka konsep kewajipan Allah terhadap manusia adalah salah satu daripada persoalan dasar dalam ilmu kalam, khususnya yang berhubung dengan kekuasaan mutlak dan keadilan Allah (S.W.T.). Mereka mempercayai bahawa Allah (S.W.T.) tidak melakukan keburukan dan kezaliman kepada manusia apatah lagi untuk mewajibkannya ke atas manusia. Bagi mereka setiap perbuatan Allah mengandungi hikmah dan mempunyai tujuan yang tertentu untuk kebaikan manusia.<sup>50</sup>

Lantaran itu, kewajiban tersebut dapat diringkaskan dalam suatu kewajiban sahaja iaitu kewajiban berbuat baik (*ṣalāḥ*) dan terbaik (*aṣlāḥ*) bagi manusia.<sup>51</sup> Para ulama Kitab Jawi turut

<sup>48</sup> Al-Syahrastānī, **al-Milāl**, I, hlm. 94, 96, 101.

<sup>49</sup> Al-Ghazālī, **al-Iqtisād**, hlm. 102, 160.

<sup>50</sup> 'Abd al-Jabbār, **Syarḥ Uṣūl al-Khamsah**, hlm. 123; Tritton, **Muslim Theology**, hlm. 81; D. Gimaret, “Mu’tazila”, dlm. **EI<sup>2</sup>** VII, Leiden 1993, hlm. 789-790.

<sup>51</sup> Al-Syahrastānī, **Nihāyah al-Iqdām**, hlm. 398.

mengemukakan pendapat yang sama tentang Mu'tazilah yang berkeyakinan bahawa *ṣalāḥ* dan *aṣlāḥ* adalah wajib bagi Allah (S.W.T.).<sup>52</sup> Dalam kitab **Syarḥ Matn Jawharah al-Tawḥīd** terdapat keterangan yang menyebutkan bahawa di antara perkara *ṣalāḥ* ialah memberikan kelapangan dan kesihatan kepada hamba-hamba-Nya manakala perkara *aṣlāḥ* ialah memberikan kebaikan di akhirat.<sup>53</sup>

Bagi al-Syahrastānī, Mu'tazilah menafikan setiap keburukan dilakukan oleh Allah (S.W.T.) disebabkan mereka mengatakan Allah (S.W.T.) Maha Kaya daripada sifat-sifat keburukan dan mengetahui buruknya sesuatu keburukan. Tambahan pula pengetahuan Allah merangkumi seluruh makhluk ciptaan-Nya. Justeru itu, hanya kebaikan dan keadilan sahaja yang datang daripada-Nya.<sup>54</sup>

Selanjutnya, menurut mereka lagi bahawa hukum kemestian (*al-Darūrah*) dapat menentukannya untuk mencela sesuatu

<sup>52</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 43, 52, 68; Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 30; Husayn Nāṣir al-Banjārī, **Hidāyah al-Mutafakkirin**, hlm. 23; Aḥmad al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 12.

<sup>53</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**.

<sup>54</sup> Al-Syahrastānī, **op. cit.**, hlm. 401. Lihat juga Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 43-44; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 23.

perbuatan yang buruk. Berdasarkan alasan-alasan tersebut, mereka menetapkan bahawa adalah mustahil setiap keburukan datangnya daripada Allah (S.W.T.).

Berbalik kepada pandangan para ulama Kitab Jawi, mereka nampaknya mempunyai pandangan yang tidak jauh berbeza dengan Asyā'irah dalam persoalan kewajipan Allah (S.W.T.) terhadap manusia. Zayn al-Ābidīn al-Faṭāñī misalnya mengutarakan pendapat al-Ghazālī yang mengatakan bahawa Allah (S.W.T.) memberikan pahala terhadap perbuatan taat adalah kerana kemurahan dan kerana janji-Nya bukan disebabkan kewajiban-Nya kerana Allah (S.W.T.) tidak mempunyai sebarang kewajiban untuk menunaikan hak manusia.<sup>55</sup>

Pendek kata, dalam hal ini para ulama Kitab Jawi mengakui bahawa Allah (S.W.T.) tidak mempunyai sebarang kewajiban terhadap manusia. Lebih lanjut mereka juga menyatakan bahawa Allah (S.W.T.) tidak wajib memberi pahala kepada orang yang beribadah dan menyiksa orang yang melakukan maksiat kerana

---

<sup>55</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 51.

perkara-perkara tersebut hanyalah bersifat harus sahaja dan Allah (S.W.T.) boleh melakukan sebaliknya.<sup>56</sup>

Selain itu, menjadi suatu keharusan bagi Allah (S.W.T.) menjadikan kejahatan dan kebaikan bagi hamba-hamba-Nya seperti Islam dan kafir.<sup>57</sup> Dalam erti kata yang lain, mereka menggambarkan bahawa kebaikan dan kejahatan yang dilakukan oleh seseorang adalah dijadikan oleh Allah (S.W.T.).

Malah para ulama kitab Jawi juga turut mengemukakan pendapat al-Ghazālī yang mengatakan bahawa “Tidaklah pada yang hendak dijadikan itu terlebih baik daripada yang sudah ada”.<sup>58</sup> Namun pendapat al-Ghazālī ini ditentang oleh al-Biqā'ī kerana menurut al-Biqā'ī perkataan ini mengimplikasikan Allah (S.W.T.)

<sup>56</sup> Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 16; Zayn al-Ābidīn al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 52; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambawī, **op. cit.**, hlm. 41; Husayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 23; Muḥammad Ṭayyib al-Banjārī, **Miftah al-Jannah**, hlm. 11; Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 30; Muḥammad Mukhtār al-Bogorī, **Inilah Kitāb Usūl al-Dīn**, hlm. 4.

<sup>57</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 31.

<sup>58</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 42; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambawī, **op. cit.**, hlm. 23.

tidak mampu memperbuat yang lebih baik daripada yang telah ada.<sup>59</sup>

Sehubungan dengan permasalahan ini, Muḥammad Zayn al- Din al-Sambāwī pula menegaskan bahawa adalah mustahil Allah (S.W.T.) lemah dalam menjadikan sesuatu yang *mumkin* seperti menjadikan langit, bumi, syurga, neraka atau menjadikan alam lebih baik daripada alam ini.<sup>60</sup>

Dalam pada itu, Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī<sup>61</sup> dan Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī<sup>62</sup> mempertahankan pendapat al-Ghazālī itu. Menurut mereka maksud ungkapan tersebut ialah untuk menunjukkan bahawa tidak *mumkin* terdapat alam yang lebih baik daripada alam yang telah dijadikan ini kerana *qudrah* dan *irādah* Allah tidak *ta'alluq* untuk mengadakan yang lebih baik dan jika Allah (S.W.T.) menghendaki tentu Dia mengadakan yang lebih baik lagi kerana Allah Maha Berkuasa. Justeru itu, mereka berpendapat bahawa tidak tergambar pada pendapat al-Ghazālī itu pengertian

---

<sup>59</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**

<sup>60</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 23.

<sup>61</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**

<sup>62</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**

bahawa Allah (S.W.T.) tidak berkuasa untuk menjadikan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang telah dijadikan-Nya.

Sebagai kesimpulannya, para ulama Kitab Jawi berpendapat bahawa konsep *ṣalāḥ* dan *aslāḥ* tidak wajib dan ia hanya bersifat harus sahaja bagi Allah (S.W.T.).<sup>63</sup> Buktinya sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab **Syarh Matn Jawharah al-Tawhīd** ialah Allah (S.W.T.) menjadikan sakit kepada kanak-kanak yang masih kecil dan menjadikan haiwan-haiwan yang liar dan berbisa. Seterusnya pengarang mengatakan bahawa perkara-perkara tersebut mempunyai dalil *naqlī* dan menjadi perkara ijmak bagi semua ulama Ahl al-Islam.<sup>64</sup>

Dalam persoalan ini, Dāwud al-Faṭānī ketika berhujah menentang golongan Mu'tazilah yang berpendapat bahawa Allah (S.W.T.) mempunyai kewajipan untuk melakukan *ṣalāḥ* dan *aslāḥ* kepada manusia menyatakan seperti berikut:

<sup>63</sup> Muhammad Zayn b. Faqīh Jalāl āl-Dīn, **op. cit.**, hlm. 16; Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 52, 68; Muhammad Mukhtār al-Bogorī, **op. cit.**, hlm. 4; Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 30; Husayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 23. Ahmad al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 12; Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 46.

<sup>64</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**

"... maka kata Mu'tazilah wajib bagi Allah mengerjakan *ṣalāḥ* dan *aṣlāḥ*, maka kata ini dusta saja seperti barang yang kita lihat dengan mata kepala kita, maka iaitu disakitkan akan kanak-kanak dan segala orang yang gila, bebal, maka jika wajib nescaya tiada seorang sakit dan tiada pula sesat dan jahil ia pada agama, maka adalah yang demikian itu tanda tiada wajib bagi Allah dan lagi jika adalah Allah memperbuat *ṣalāḥ* nescaya tiada dijadikan segala hamba-Nya dan *aṣlāḥ* apabila dijadikan mereka itu tiada diberati akan mereka itu dan apabila diberati akan mereka itu yang *aṣlāḥ* diberi taufik akan mereka itu dan apabila tiada diberi taufik akan mereka itu maka dimaafkan daripada mereka itu, tetapi pula adalah yang *aṣlāḥ* dijadikan mereka itu di dalam syurga pada permulaannya."<sup>65</sup>

Sehubungan dengan konsep *ṣalāḥ* dan *aṣlāḥ* para ulama Kitab Jawi juga telah mengemukakan perdebatan yang berlaku di antara al-Asy'ari dan al-Jubbā'i, salah satu daripada perdebatan tersebut adalah seperti berikut :

Al-Asy'ari: Bagaimanakah kedudukan tiga orang yang bersaudara yang keadaannya seperti berikut; seorang hidup dalam ketaatan tetapi telah dewasa, yang kedua hidup dalam kemaksiatan dan meninggal sebelum bertaubat sedangkan usianya telah lanjut manakala yang ketiga meninggal sebelum usia baligh?

<sup>65</sup> Dāwud al-Faṭāñī, *op. cit.*, hlm. 46. Untuk melihat secara ringkas tentang maksud *ṣalāḥ* dan *aṣlāḥ* menurut Mu'tazilah, lihat Zayn al-

Al-Jubbā'ī: Yang pertama diberi pahala kerana ketaatannya, yang kedua mendapat siksa terhadap kemaksiatannya manakala yang ketiga tidak diberi pahala dan tidak disiksa.

Al-Asy'arī: Mungkin yang ketiga berdoa: "Ya Allah panjangkan umurku agar aku melakukan ketaatan sehingga mendapat pahala kerana wajib bagi-Mu melakukan perbuatan yang lebih baik".

Al-Jubbā'ī: Allah akan menjawab doanya: "Jika Aku panjangkan umurmu maka kau akan melakukan maksiat lalu kau akan disiksa, kerana itu Aku wajib mematikanmu ketika kau masih kecil".

Al-Asy'arī: Mungkin pula yang kedua akan berdoa: "Ya Allah kenapa Kau tidak mematikan aku ketika aku masih kecil, dengan itu aku tidak melakukan kederhanaan terhadap-Mu dan tidak disiksa?"

Sampai di sini al-Jubbā'ī terdiam dan kerana inilah al-Asy'arī mengubah pendirian yang dahulunya bersepandapat dengan

---

Ābidīn al-Fatā'ī, **op. cit.**, hlm. 52; Ahmad al-Fatā'ī, **op. cit.**, hlm. 12.

al-Jubbā'ī yang mengatakan wajib bagi Allah memperbuat yang *salāḥ* dan *aslah*.<sup>66</sup>

Perselisihan Asyā'irah dengan Mu'tazilah dalam persoalan ini menyebabkan aliran Māturidiyyah berpecah kepada dua pihak, yang pertama: Aliran Māturidiyyah yang bertempat di Bukhara bersepakat dengan Asyā'irah dengan mengatakan tidak ada sesuatu kewajiban kepada Allah (S.W.T.).<sup>67</sup>

Yang kedua: Aliran Māturidiyyah yang bertempat di Samarqand berpendapat sebaliknya iaitu memberikan batasan-batasan yang tertentu kepada kekuasaan mutlak Allah (S.W.T.). Dengan yang demikian mereka menerima fahaman Mu'tazilah yang menerima adanya kewajiban-kewajiban bagi Allah (S.W.T.). Kewajiban tersebut, sekurang-kurangnya kewajiban Allah dalam menepati janji, memberi upah dan memberi hukuman.<sup>68</sup>

<sup>66</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 52. Dialog yang hampir sama turut dikemukakan oleh Dāwud al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 46-47. Untuk keterangan lanjut tentang sebab-sebab al-Asy'arī mengubah pendiriannya daripada Mu'tazilah dan pendapat para sarjana mengenainya, lihat Harun Nasution, **op. cit.**, hlm. 62-65. Bandingkan dengan Watt, *Islamic Philosophy And Theology: An Extended Survey*, Edinburg, Cet. Ke-II, 1985, hlm. 47-48.

<sup>67</sup> Al-Bazdāwī, **Usūl al-Dīn**, Tahqīq Dr. Hans Peter Linss, Ḫāṣ al-Bābī al-Halabī, Kaherah, 1383H/1963M, hlm. 126.

<sup>68</sup> Al-Māturīdī, **al-Tawhīd**, hlm. 225-226.

Ringkasnya dalam persoalan kewajipan Allah (S.W.T.) terhadap manusia, para ulama Kitab Jawi menerangkan bahawa tidak ada kewajipan bagi Allah (S.W.T.) dalam melaksanakan sesuatu perkara terhadap manusia. Mereka berpendapat sedemikian kerana bagi mereka segala sesuatu hanya harus sahaja bagi Allah (S.W.T.). Berpandukan pendapat tersebut, seseorang tidak boleh mengatakan ada perkara yang wajib bagi Allah atau ada perkara yang mustahil dilakukan oleh Allah (S.W.T.).

Berdasarkan penelitian yang dijalankan, para ulama Kitab Jawi mengemukakan pandangan tersebut antara lain adalah bertujuan untuk menentang pendapat golongan Mu'tazilah yang berpendirian bahawa Allah (S.W.T.) wajib melakukan *salah* dan *aslah* kepada hamba-hamba-Nya. Selain itu kebanyakan ulama Kitab Jawi berfahaman sedemikian adalah berdasarkan pendapat al-Sanusi sendiri. Misalnya Zayn al-'Abidin al-Fatāñī ketika mengulas pendapat al-Sanūsī tentang bukti segala sesuatu adalah harus sahaja bagi Allah (S.W.T.) mengatakan bahawa:

“... jikalau wajib atas Allah Ta'ala suatu daripada-Nya pada akal atau mustahil atas-Nya suatu daripada-Nya pada akal nescaya bertukar *mumkin* itu jadi wajib atau jadi mustahil tetapi bertukar *mumkin* jadi wajib atau jadi mustahil itu batal, maka batal pula

**wajib atau mustahil atas Allah Ta'ala berbuat  
mungkin itu..."<sup>69</sup>**

Merujuk perkara ini kepada al-Qur'an, adalah didapati banyak *nas* yang menegaskan Allah (S.W.T.) tidak menghendaki bentuk-bentuk kezaliman. Sebaliknya pula perbuatan-perbuatan tersebut tidak mendapat keredaan-Nya malahan akan disiksa. Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah (2):205, "Sesungguhnya Allah (S.W.T.) tidak suka kepada setiap kerosakan" dan dalam Surah Mu'min (40):31, "Allah tidak menghendaki berbuat kezaliman kepada hamba-hamba-Nya".

Ayat-ayat al-Qur'an yang lain turut menegaskan lagi bahawa Allah (S.W.T.) tidak meredai perbuatan yang keji serta tidak berlaku zalim terhadap manusia. Di antaranya adalah seperti berikut :

1. Surah al-Zumar (39): 7

**"Sesungguhnya Allah tidak meredai setiap  
kekufuran daripada hamba-hamba-Nya".**

---

<sup>69</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 68. Lihat juga Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 34; Aḥmad al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 12; Dāwud al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 46; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 23-24.

Walau bagaimanapun timbul satu persoalan, iaitu mengapakah Allah (S.W.T.) tidak menjadikan manusia secara keseluruhannya mentaati Allah kerana Allah berkuasa untuk menjadikannya?

Asyā'irah dan para ulama Kitab Jawi mengatakan bahawa kehendak Allah tidak tunduk kepada kriteria, hukum atau prinsip apapun. Sebaliknya perkara-perkara tersebut berlaku menurut kehendak-Nya. Bagi mereka, kehendak Allah untuk menjadikan manusia mentaati-Nya tidak timbul sama sekali. Sebaliknya Allah tidak wajib untuk memberikan pahala kepada mereka yang taat sepetimana Allah tidak wajib menyiksa mereka yang melakukan maksiat. Sehingga menurut mereka lagi, Allah boleh menyiksa mereka yang taat atau mengampuni mereka yang melakukan maksiat.<sup>71</sup>

Selanjutnya mereka antara lain menafsirkan firman Allah (S.W.T.) dalam Surah al-Anbiyā' (21):23, yang bermaksud: "Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanyai". Dengan menunjukkan bahawa manusia tidak sepatutnya

---

<sup>71</sup> Al-Għażali, **al-Iqtisād**, hlm. 102; Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 52; Husayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 23; Muḥammad Tayyib al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 5, 11.

bertanya tentang sebab musabab tindakan Allah, begitu juga tidak ada suatu ukuranpun untuk diterapkan kepada tindakan Allah bagi tujuan mengadili suatu persoalan tentang tindakan Allah.<sup>72</sup>

Begitu juga dengan firman Allah (S.W.T.) dalam Surah al-Zumar (39): 7, yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak meredai setiap kekufuran daripada hamba-hamba-Nya". Ulama Kitab Jawi seperti Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī mengatakan bahawa Ahl al-Sunnah berpendapat bahawa *irādah* (kehendak) Allah (S.W.T.) adalah berbeza dengan keredaan-Nya.<sup>73</sup> Ini menunjukkan bahawa Allah (S.W.T.) menghendaki orang kafir menjadi kafir tetapi kekafiran tersebut tidak diredai oleh-Nya.

---

<sup>72</sup> Lihat al-Syahrastānī, **Nihāyah al-Iqdām**, hlm. 404; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 23; Dāwud al-Fatānī, **op. cit.**, hlm. 30.

<sup>73</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 23-24; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 13; Muḥammad Ṭayyib al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 9.

### 3.5: Konsep Kewajiban Di Luar Kemampuan

#### *(Taklīf Ma La Yutāq)*

Konsep kewajipan di luar kemampuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya turut dibincangkan oleh para ulama Kitab Jawi secara tidak langsung dalam karya tauhid mereka.

Dalam persoalan ini, Asyā'irah menerima konsep pembebanan Allah (S.W.T.) kepada manusia di luar kemampuan mereka. Ini kerana mereka mempercayai tentang kekuasaan Allah (S.W.T.) yang mutlak.<sup>74</sup>

Al-Asy'ari sendiri menegaskan bahawa harus Allah (S.W.T.) meletakkan bebanan yang tidak terpikul kepada manusia.<sup>75</sup> Malah bebanan yang dikenakan kepada orang kafir supaya mereka beriman kepada Allah (S.W.T.) adalah suatu perkara yang tidak mampu untuk dilakukannya. Hal yang sama terdapat di kalangan

<sup>74</sup> Al-Syahrastānī, **al-Milāl**, I, hlm. 96. Lihat juga al-Rāzī, **al-Tafsīr al-Kabīr**, V, hlm. 140.

<sup>75</sup> Al-Asy'ari, **al-Luma'**, hlm. 99; al-Ghazālī, **op. cit.**, hlm. 112; 'Abd al-Qādir al-Mandili, **Perisai Bagi Sekalian Mukallaf**, hlm. 145.

orang kafir apabila mereka diperintahkan supaya sujud di akhirat kelak, tetapi mereka tidak mampu untuk melakukannya.<sup>76</sup>

Dalam hubungan ini al-Baghdādī menerangkan bahawa Allah (S.W.T.) boleh melakukan apa sahaja yang dikehendakinya kerana tiada suatu laranganpun boleh dikenakan terhadap-Nya. Ini berlaku menurut beliau adalah disebabkan oleh segala sesuatu adalah milik-Nya.<sup>77</sup> Al-Ghazālī juga mengeluarkan pendapat yang sama dengan mengatakan bahawa Allah (S.W.T.) boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki serta boleh memberikan hukum menurut kehendak-Nya.<sup>78</sup>

Golongan Mu'tazilah pula berpendapat sebaliknya kerana mereka menolak konsep kewajiban di luar kemampuan. Menurut mereka konsep tersebut bertentangan dengan konsep perbuatan baik dan yang terbaik (*fi'l al-Šalih wa al-Aṣlah*). Di samping itu, konsep tersebut bertentangan dengan keadilan Ilahi (*al-'Adl al-Ilahi*).<sup>79</sup>

<sup>76</sup> Al-Asy'arī, **al-Ibānah**, hlm. 154.

<sup>77</sup> Al-Baghdādī, **Uṣūl al-Dīn**, hlm. 82.

<sup>78</sup> Al-Ghazālī, **op. cit.**, hlm. 184.

<sup>79</sup> 'Abd al-Jabbār, **Syarḥ Uṣūl al-Khamsah**, hlm. 134. Lihat juga Hourani, **Islamic Rationalism**, Oxford University Press, 1971, hlm. 121.

Bagi para ulama Kitab Jawi, konsep kewajipan di luar kemampuan ini tidak dibincangkan secara khusus melalui karya tauhid mereka. Namun begitu, berdasarkan keterangan mereka yang berpendapat bahawa Allah (S.W.T.) tidak mempunyai sebarang kewajipan terhadap hamba-hamba-Nya dan segala perbuatan Allah adalah harus, maka bolehlah diambil kesimpulan bahawa mereka bersetuju dengan wujudnya konsep pembebanan di luar kemampuan manusia. Ini kerana perkara tersebut juga adalah harus bagi Allah (S.W.T.).

Daripada perbincangan tersebut, pandangan Asya'irah dan para ulama Kitab Jawi tentang pemberian beban yang tidak terpikul, tidak menimbulkan masalah kerana manusia dapat melaksanakan bebanan tersebut disebabkan yang mewujudkan perbuatan itu sebenarnya ialah Allah (S.W.T.). Oleh yang demikian perbuatan manusia pada hakikatnya adalah perbuatan Allah (S.W.T.) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terbatas.

Sebaliknya Mu'tazilah berpendapat bahawa bebanan yang tidak terpikul tidak dapat disempurnakan oleh manusia kerana mereka sendiri yang melakukannya secara haikiki. Sebagai akibatnya bebanan tersebut akan menjadi sia-sia.

Merujuk kepada al-Qur'an, Allah (S.W.T.) menjelaskan bahawa orang kafir mempunyai kemampuan untuk mentaati Allah. Umpamanya Surah al-Muddathir (74): 42-43:

;

**"Apakah yang memasukkan kamu ke Neraka Saqar? Mereka menjawab: "Kami dahulu tidak termasuk orang yang mengerjakan sembahyang".<sup>80</sup>**

Ayat di atas menunjukkan orang kafir mampu untuk mentaati Allah berdasarkan jawapan mereka terhadap pertanyaan Allah. Sekiranya mereka tidak mampu, pasti mereka menjawab kami memasuki Neraka Saqar kerana Tuhan telah menetapkan kami menjadi kafir, dalam ertikata yang lain tidak akan mampu untuk beriman selama-lamanya.

Tegasnya konsep orang kafir tidak berkemampuan untuk beriman kepada Allah adalah bertentangan dengan ayat di atas, manakala Allah (S.W.T.) sendiri tidak meredai kekafiran bagi hamba-hamba-Nya.<sup>81</sup>

---

<sup>80</sup> Lihat juga al-Qur'an, Surah al-Baqarah (2): 20; Surah al-Kahf (18): 55; Surah al-Nisā' (4): 39; Surah Sād (38): 75; Surah Tāhā (20): 22; Surah al-Muddathir (74): 49; Surah al-Insyiqāq (84): 20; Surah al-Tahrim (66): 1; Surah Āli-'Imrān (3): 71, 99.

<sup>81</sup> Lihat juga al-Qur'an, Surah al-Zumar (39): 7.

Lantaran itu kuasa manusia (*al-Istiṭā'ah*) yang disyaratkan pada *taklīf* adalah sebelum melakukan perbuatan. Maka kuasa ini akan kekal sehingga masa perbuatan itu dilakukan. Umpamanya, Allah mengurniakan kekuasaan kepada manusia sewaktu diwajibkan untuk mentaati-Nya dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Pengurniaan tersebut menyebabkan mereka berkuasa sebelum melakukannya.

Begitu juga dengan *taklīf* yang dikenakan kepada orang kafir supaya mereka beriman semasa kekafirannya. Sekiranya ia mampu untuk beriman semasa kafirnya, maka tetaplah kekuasaannya mendahului perbuatan. Sebagai buktinya: "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya".<sup>82</sup>

Asyā'irah dalam persoalan ini mengemukakan pendapat yang berlainan kerana mereka menetapkan sebaliknya iaitu kekuasaan manusia tidak mendahului perbuatannya.<sup>83</sup> Ini menunjukkan bahawa *taklīf* Allah menurut mereka adalah di luar kemampuan manusia.

---

<sup>82</sup> Al-Qur'an, Surah al-Baqarah (2): 286.

<sup>83</sup> Al-Asy'arī, **op. cit.**, hlm. 10; al-Syahrastānī, **op. cit.**, I, hlm. 96.

Sehubungan dengan persoalan ini, dalam kitab **Syarh Matn Jawharah al-Tawhid** misalnya membawakan pendapat al-Asy'ari yang mengatakan bahawa kewujudan pertolongan Allah (S.W.T.) untuk melakukan ketaatan adalah bersama dengan kewujudan ketaatan itu.<sup>84</sup> Manakala al-Maturidi menegaskan bahawa kewujudan pertolongan Allah (S.W.T.) adalah mendahului daripada ketaatan.<sup>85</sup>

Dalam pada itu, *jumhūr* ulama pula berpendapat bahawa manusia tidak berkuasa untuk mengerjakan ketaatan melainkan dengan wujudnya taufik dan hidayah daripada Allah (S.W.T.).<sup>86</sup>

Beralih pula kepada pandangan ulama Kitab Jawi, Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī misalnya menerangkan seperti berikut ketika mengulas pendapat Ibrāhīm al-Laqqānī yang mengatakan bahawa “Allah-lah yang menciptakan hamba dan apa yang diperbuat oleh hamba dan memberikan taufik kepada orang yang dikehendaki-Nya”:

<sup>84</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 28.

<sup>85</sup> **Ibid.**

<sup>86</sup> **Ibid.**; 'Abd al-Qādir al-Mandili, **op. cit.**, hlm. 145.

“... yakni Allah juga tunggal dengan mengadakan hamba-Nya dan menjadikan segala perbuatan yang keluar daripada hamba-Nya sama ada perbuatan yang *ikhtiariyah* dan perbuatan yang *idtiarīyah* atas mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah,... (dan lagi) wajib kita iktikadkan pula Allah Subhana-Hu wa Ta'ala memberi taufik yakni memberi kuasa atas mengerjakan taat bagi hamba-Nya yang dikehendaki-Nya sampai kepada keredaan-Nya dan kasih-Nya (dan demikian lagi), Allah Ta'ala yang mendirikan *huzlan* atas seorang yakni hina iaitu tiada kuasa pada mendirikan taat dan kuasa atas mengerjakan maksiat bagi segala hamba-Nya yang dikehendaki-Nya jauhnya daripada keredaan-Nya dan kasih-Nya.”<sup>87</sup>

Pendek kata, beliau bersepakat dengan *jumhūr* ulama bahawa taufik (pertolongan) sama ada untuk melakukan kebaikan atau kejahanan adalah daripada Allah (S.W.T.) yang ditetapkan bagi hamba-hamba yang dikehendaki-Nya. Pandangan yang sama juga turut dikemukakan oleh Dāwud al-Fatāñī.<sup>88</sup>

Dalam hal ini, ulama Kitab Jawi yang agak kebelakangan seperti 'Abd al-Qādir al-Mandilī juga nampaknya tidak menunjukkan sebarang perbezaan pendapat semasa memperkatakan mengenai perbuatan maksiat yang dilakukan oleh

<sup>87</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 53.

<sup>88</sup> Dāwud al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 47. Selanjutnya lihat Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 27-28.

manusia. Menurut beliau perbuatan tersebut berlaku dengan pertolongan Allah (S.W.T.)<sup>89</sup> dan dikehendaki-Nya, namun Allah tidak meredai dan menyuruhnya. Sebaliknya perbuatan tersebut dilarang dan dibenci oleh-Nya.<sup>90</sup>

Dengan yang demikian para ulama Kitab Jawi mengakui bahawa bebanan yang dikenakan kepada orang kafir supaya mereka beriman kepada Allah (S.W.T.) adalah suatu perkara yang tidak mampu dilakukan. Ini kerana kekafiran mereka adalah dikehendaki oleh Allah (S.W.T.).<sup>91</sup>

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa konsep kewajipan di luar kemampuan dapat diterima oleh para ulama Kitab Jawi. Ini lebih terserlah apabila dikaji pendapat mereka yang mengatakan bahawa semua perbuatan Allah (S.W.T.) adalah harus, kekuasaan Allah adalah mutlak dan Allah tidak mempunyai sebarang kewajipan terhadap manusia. Lantaran itu, berdasarkan kekuasaan-Nya yang mutlak dan tidak mempunyai sebarang

---

<sup>89</sup> 'Abd al-Qādir al-Mandīlī, **op. cit.**, hlm. 144. Lihat juga 'Abd al-Ghanī Yāḥyā dan 'Umar Yūsuf, **op. cit.**, hlm. 82.

<sup>90</sup> 'Abd al-Qādir al-Mandīlī, **op. cit.**, hlm. 32. Lihat juga 'Abd al-Ghanī Yāḥyā dan 'Umar Yūsuf, **op. cit.**

<sup>91</sup> Lihat tajuk seterusnya iaitu Konsep Petunjuk dan Penyesatan.

kewajipan terhadap manusia maka adalah harus juga bagi Allah (S.W.T.) untuk meletakkan bebanan yang di luar kemampuan hamba-hamba-Nya.

;

### **3.6: Konsep Petunjuk Dan Penyesatan**

#### **(*al-Hudā wa al-Idlāḥ*)**

Berhubung dengan konsep kekuasaan Allah (S.W.T.), timbul beberapa persoalan iaitu sejauhmanakah kekuasaan dan kehendak Allah untuk memberi petunjuk atau menyesatkan seseorang? Adakah Allah menentukan seseorang untuk mendapat petunjuk atau sebaliknya? Persoalan-persoalan tersebut turut mendapat tempat dan dibincangkan oleh para ulama Kitab Jawi.

Ditinjau dari sudut pemahaman Asyā'irah, mereka mengatakan Allah (S.W.T.) berkuasa untuk menyesatkan dan memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki dengan mengemukakan alasan bahawa Allah (S.W.T.) berkuasa mutlak terhadap makhluk ciptaan-Nya. Malah al-Asy'ari menegaskan bahawa Allah (S.W.T.) berbuat sesuatu mengikut kehendak-Nya,

apabila kekufuran dan kesesatan yang dikehendaki maka wajiblah Allah (S.W.T.) melakukannya.<sup>92</sup>

Untuk menegakkan pendapat tersebut beliau mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an, di antaranya:

1. Surah al-Baqarah (2): 26

**"Banyak orang yang disesatkan oleh Allah, begitu juga banyak orang yang diberi petunjuk."**

2. Surah al-Kahf (18): 17

**"Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dia lah yang mendapat petunjuk, dan sesiapa yang disesatkan-Nya, maka kamu tidak sekali-kali akan beroleh sebarang penolong yang dapat memberi petunjuk kepadanya."**

Dengan itu al-Asy'ari menginterpretasikan ayat-ayat tersebut sebagai menunjukkan Allah (S.W.T.) berbuat sesuatu mengikut kehendak-Nya. Lantaran itu, apabila kekufuran dan kesesatan yang dikehendaki, maka Allah (S.W.T.) akan melakukannya, mentakdirkan dan menjadikannya.<sup>93</sup>

---

<sup>92</sup> Al-Asy'ari, **op. cit.**, hlm. 190-195.

<sup>93</sup> **Ibid.**

Bercakap mengenai perkara ini, para ulama Kitab Jawi juga nampaknya tidak menunjukkan sebarang perbezaan pendapat dengan Asyā'irah dalam persoalan petunjuk dan penyesatan. Ini dapat diteliti tentang pendapat mereka semasa membincarakan konsep *Qadā'* dan *Qadar*, antara lain mereka mengakui bahawa segala ketetapan sama ada kebaikan atau keburukan termasuk kekufuran atau kemaksiatan telah ditentukan oleh Allah (S.W.T.) sejak azali dan ketetapan tersebut tidak dapat diubah lagi.<sup>94</sup>

Meskipun begitu, para ulama Kitab Jawi mengambil sikap berhati-hati ketika membincangkan permasalahan ini dengan menegaskan bahawa tidak seharusnya seseorang menyandarkan kekafiran bagi orang kafir kepada Allah (S.W.T.) dan menyatakan Allah (S.W.T.) menjadikan perkara-perkara yang buruk seperti anjing dan babi. Sebaliknya hendaklah mengatakan bahawa Allah (S.W.T.) menjadikan sekalian alam. Ini menurut mereka bertujuan untuk mentakzimkan Allah (S.W.T.).<sup>95</sup>

---

<sup>94</sup> Untuk keterangan lanjut, lihat Bab Keempat.

<sup>95</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 22; Zayn al-Ābidīn al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 22; Ahmad al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 8; Dāwud al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 26.

Sehubungan dengan itu, mereka turut mengenengahkan pandangan bahawa kejahanan dan kezaliman tidak boleh disandarkan kepada Allah (S.W.T.). Ini kerana Allah tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya manakala segala suruhan dan larangan-Nya adalah sebagai tanda percubaan atas hamba-hamba-Nya sama ada mereka taat atau ingkar.<sup>96</sup>

Berdasarkan hujah tersebut, para ulama Kitab Jawi menentang pendapat Mu'tazilah yang mengatakan orang kafir yang membuat diri mereka menjadi kufur dan sesat, disebabkan mereka lupa terhadap perintah Allah (S.W.T.) dan mengingkarinya. Menurut mereka lagi, Allah tidak bersifat adil seandainya kehendak Allah melibatkan perbuatan kufur dan maksiat.<sup>97</sup>

Dengan yang demikian, mereka menerangkan bahawa golongan Mu'tazilah berpendapat bahawa manusialah yang menciptakan perbuatannya yang *ikhtiyārī* dengan qudrat yang dijadikan oleh Allah pada diri manusia, dengan alasan supaya manusia tidak menyandarkan perbuatan jahat kepada Allah

<sup>96</sup> Muhammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 24; Dāwud al-Fatā'ī, **op. cit.**, hlm. 30.

<sup>97</sup> Al-Zamakhsyārī, **al-Kasyṣyāf**, I, Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, Mesir, Cet. I, 1345H, hlm. 160.

(S.W.T.).<sup>98</sup> Dalil yang dikemukakan oleh Mu'tazilah ialah firman Allah (S.W.T.) yang bermaksud: "Maka Maha Suci Allah, pencipta yang paling baik".<sup>99</sup>

Dalam hal ini, Muhammad Zayn b. Faqīh Jalāl-al-Dīn,<sup>100</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī,<sup>101</sup> Aḥmad al-Faṭānī,<sup>102</sup> Dāwud al-Faṭānī,<sup>103</sup> Muhammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī,<sup>104</sup> Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī<sup>105</sup> dan Muhammad Tayyib al-Banjārī<sup>106</sup> ketika mengulas persoalan yang mempunyai hubung kait dengan perkara tersebut mengutarakan bahawa *irādah* dan *amar* (perintah) serta reda itu berbeza. Lantaran itu, menurut mereka hubungan di antara *irādah*, *amar* dan reda antara lain terdiri daripada empat bahagian iaitu:

<sup>98</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 22; Muhammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 12; Muhammad Azharī al-Falembānī, **'Atiyah al-Rahmān**, hlm. 42; 'Abd al-Qādir al-Mandili, **Perisai Bagi Sekalian Mukallaf**, hlm. 143; 'Abd Ghānī Yahyā dan 'Umar Yūsuf, **op. cit.**, hlm. 23-24; Muhammad Tayyib al-Banjārī, **Miftāh al-Jannah**, hlm. 12.

<sup>99</sup> Al-Qur'an, Surah al-Mu'minūn (23): 14.

<sup>100</sup> Muhammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 15.

<sup>101</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 27.

<sup>102</sup> Aḥmad al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 9.

<sup>103</sup> Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 30

<sup>104</sup> Muhammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 15.

<sup>105</sup> Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **Hidāyah al-Mutafakkirin**, hlm. 13.

<sup>106</sup> Muhammad Tayyib al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 9.

- i) Allah menghendaki sesuatu perkara namun tidak diperintahkan seperti kekafiran dan kemaksiatan. Oleh itu, menjadi kafir bagi orang yang dikehendaki oleh Allah dan begitu juga dengan kemaksiatan. Ini bererti berlakunya perkara tersebut tidak diredayai oleh Allah (S.W.T.).
- ii) Allah memerintahkan untuk membuat sesuatu perkara serta diredayai-Nya namun tidak menghendaki terjadinya seperti keimanan bagi Abu Jahal dan Abu Lahab. Buktinya ialah Rasulullah (s.a.w.) menyeru mereka supaya beriman namun mereka tidak beriman kerana Allah menghendakinya.
- iii) Allah menghendaki dan meredainya serta memerintahkan melakukan sesuatu perkara seperti keimanan bagi orang yang *ta'alluq* ilmu Allah bahawa mereka beriman seperti Abu Bakar dan para sahabat yang lain.
- iv) Tidak dikehendaki dan tidak diredayai-Nya serta tidak pula diperintahkan-Nya seperti kekafiran pada Abu Bakar dan para sahabat lainnya yang beriman. -

Walaupun para ulama Kitab Jawi berpendapat bahawa *irādah*, *amar* serta keredaan-Nya adalah berbeza namun mereka bersepakat dengan al-Asy'arī yang mengatakan bahawa Allah (S.W.T.) menghendaki kekafiran dan kemaksiatan bagi hamba-hamba-Nya.

Justeru itu, ini menimbulkan suatu persoalan iaitu apakah faedahnya Allah (S.W.T.) menerintahkan manusia supaya beriman meskipun Allah mengetahui bahawa mereka tidak akan beriman? Dalam menjawab persoalan ini, Dāwud al-Faṭānī menerangkan bahawa perkara sedemikian bertujuan untuk mengetahui siapa yang taat dan siapa pula yang ingkar kepada perintah Allah (S.W.T.). Selain itu, faedahnya ialah untuk diberi pahala kepada orang yang menyeru kepada kebaikan kerana menurut beliau Allah (S.W.T.) "tidak ditanya apa yang diperbuat dan manusialah yang ditanya."<sup>107</sup>

Meneliti persoalan ini melalui al-Qur'an, manusia adalah bertanggungjawab untuk menentukan sama ada mereka mendapat petunjuk dan hidayah atau sebaliknya. Ini kerana, Allah (S.W.T.) telah menceritakan kisah umat terdahulu untuk dijadikan teladan seperti kaum Thamūd telah dikenakan azab disebabkan mereka

---

<sup>107</sup> Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 30.

menolak kebenaran yang dibawakan kepada mereka. Kebenaran tersebut sebaliknya ditukarkan dengan cara memilih ke arah kesesatan. Dalilnya:

:

**“Adapun kaum Thamūd, maka Kami telah beri petunjuk kepada mereka, sebaliknya mereka mengutamakan kesesatan daripada memilih petunjuk dan hidayah.”<sup>108</sup>**

Allah (S.W.T.) juga akan memberikan petunjuk kepada mereka yang mempunyai keimanan dan melakukan amalan kebajikan dengan memasukkan mereka ke dalam syurga. Bukti firman Allah (S.W.T.):

**“Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal salih, mereka akan diberi petunjuk oleh Allah dengan keimanan mereka yang sempurna (mereka masuk ke taman yang) sungai-sungainya mengalir ke tempat kediaman mereka di dalam syurga yang penuh dengan nikmat.”<sup>109</sup>**

Justeru itu, adalah tidak wajar untuk meletakkan kesalahan kepada Allah (S.W.T.), sekalipun ia menyesatkan orang kafir kerana keterangan-keterangan telahpun dinyatakan oleh Allah (S.W.T.) di dalam al-Qur'an, namun manusialah yang mengabaikannya.

---

<sup>108</sup> Al-Qur'an, Surah Fuṣṣilāt (41):18. Lihat juga Surah al-Taubah (9): 116; Surah al-Balad (90): 10; Surah Āli-Imrān (3): 160.

<sup>109</sup> Al-Qur'an, Surah Yūnus (10): 9.

### **3.7: Konsep Janji Baik Dan Ancaman Buruk**

**(*al-Wa'd wa al-Wa'id*)**

Para ulama Kitab Jawi memasukkan huraian berkaitan dengan *al-Wa'd wa al-Wa'id* ke dalam bahagian perkara-perkara yang harus bagi Allah (S.W.T.). Walaupun demikian, terdapat beberapa pendapat di kalangan mereka mengenai konsep *al-Wa'd dan al-Wa'id* sama ada ada yang menyokong atau sebaliknya.

Menurut Asyā'irah Allah (S.W.T.) tidak wajib memenuhi janjinya sama ada baik ataupun buruk, kerana mereka meletakkan kekuasaan mutlak kepada Allah dan tidak ada suatu kewajibanpun ke atas-Nya. Allah (S.W.T.) juga tidak wajib sama sekali memberi pahala kepada mereka yang taat, samalah juga Allah tidak boleh menyiksa mereka yang taat ataupun mereka yang melakukan maksiat.<sup>110</sup>

Al-Asy'ari misalnya menerangkan bahawa adalah tidak menjadi kesalahan bagi Allah (S.W.T.) sekiranya Dia memasukkan seluruh manusia ke dalam syurga, begitu juga Allah (S.W.T.) tidak

---

<sup>110</sup> Al-Asy'ari, **al-Luma'**, hlm. 77; al-Ghazālī, **al-Iqtisād**, hlm. 95.

dikatakan sebagai zalim kerana memasukkan seluruh manusia ke dalam neraka.<sup>111</sup>

Dalam pada itu, ulama Kitab Jawi turut memuatkan pendapat Asyā'irah dan Māturīdiyyah berhubung dengan persoalan ini. Umpamanya Zayn al-Ābidīn al-Fatāñī<sup>112</sup> dan Dāwud al-Fatāñī<sup>113</sup> menyatakan bahawa menurut Asyā'irah, Allah (S.W.T.) harus menyalahi janji membalaas kejahatan dan perkara tersebut tidak termasuk sifat kekurangan, bahkan termasuk perkara terpuji.

Seterusnya Zayn al-Ābidīn al-Fatāñī menambah bahawa Allah (S.W.T.) bersifat Maha Pemurah maka dengan sifat tersebut Allah boleh tidak melaksanakan janji-Nya untuk membalaas kejahatan<sup>114</sup> dan kebolehan berbeza dengan apa yang dijanjikan menurut beliau adalah bagi kejahatan yang boleh diampunkan-Nya misalnya kesalahan yang dilakukan oleh orang yang beriman,<sup>115</sup> manakala janji untuk menyiksa orang kafir dan orang yang tidak ingin

---

<sup>111</sup> As-Asy'arī, **op. cit.**, hlm. 71.

<sup>112</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 54, 68.

<sup>113</sup> Dāwud al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 47.

<sup>114</sup> Zayn al-Ābidīn al-Fatāñī, **op. cit.**, hlm. 54.

<sup>115</sup> **Ibid.**

diampunkan-Nya maka menurut beliau lagi janji tersebut tidak berubah.<sup>116</sup>

Māturīdiyyah pula mengemukakan pendapat yang sebaliknya.

Menurut mereka Allah (S.W.T.) tidak harus menyalahi janji sama ada untuk membalas kebaikan atau kejahanatan kerana menyalahi janji akan mengakibatkan kekurangan bagi Allah (S.W.T.).<sup>117</sup>

Sementara itu bagi golongan Mu'tazilah konsep janji baik dan ancaman buruk merupakan salah satu daripada persoalan dasar dalam kepercayaan mereka. Dalam ertikata yang lain, mereka mempercayai janji baik dan ancaman buruk itu tetap berlaku. Sekiranya ia tidak berlaku nescaya Allah tidak bersifat adil kerana Allah (S.W.T.) menyalahi janji-Nya. Oleh yang demikian menepati janji sama ada baik ataupun buruk adalah wajib bagi Allah (S.W.T.).<sup>118</sup>

Sehubungan dengan ini menurut Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, Mu'tazilah berkeyakinan adalah wajib bagi Allah memberi pahala

---

<sup>116</sup> **Ibid.**

<sup>117</sup> **Ibid.**; Dāwud al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 47.

<sup>118</sup> 'Abd al-Jabbār, **Syarḥ Usūl al-Khamsah**, hlm. 135, 611.

kepada orang yang melakukan ketaatan dan menyiksa orang yang melakukan kemaksiatan.<sup>119</sup>

Ditinjau dari sudut pandangan para ulama Kitab Jawi pula, mereka menetapkan bahawa Allah (S.W.T.) tidak mempunyai kewajiban memberi pahala kepada mereka yang melakukan ketaatan dan menyiksa mereka yang melakukan kemaksiatan. Sebaliknya perkara tersebut menurut mereka adalah harus sahaja bagi Allah (S.W.T.).<sup>120</sup> Dengan yang demikian, mereka tidak bersetuju dengan pegangan golongan Mu'tazilah berhubung dengan konsep *al-Wa'd wa al-Wa'īd*.

Justeru itu, tambah mereka lagi seandainya Allah (S.W.T.) melakukan sebaliknya iaitu memberi pahala terhadap perbuatan maksiat dan menyiksa orang yang melakukan ketaatan maka perkara seperti itu juga harus terjadi. Ini kerana apa yang diperbuat-Nya adalah berdasarkan kehendak-Nya sendiri dan Allah

---

<sup>119</sup> Husayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 23.

<sup>120</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 51-52, 57; Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 46; Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 16; Husayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**; Muḥammad Tayyib al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 5, 11; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 41; Muḥammad Mukhtār al-Boqorī, **Inilah Kitāb Usūl al-Dīn**, hlm. 4, 6.

tidak terikat dengan apa yang diperbuat-Nya.<sup>121</sup> Pendapat ini sebenarnya berdasarkan konsep yang mereka pegang bahawa tidak ada perkara yang wajib bagi Allah (S.W.T.) kerana semua perbuatan Allah hanya di peringkat harus sahaja.

3

Selanjutnya, para ulama Kitab Jawi menerangkan bahawa Allah (S.W.T.) memberi pahala kepada perbuatan baik yang dilakukan oleh manusia adalah atas dasar rahmat-Nya manakala Allah (S.W.T.) menyiksa manusia yang melakukan kemaksiatan adalah disebabkan keadilan-Nya. Oleh itu, jika Allah (S.W.T.) melakukan sebaliknya maka Dia tidak boleh dikatakan sebagai zalim kerana semua kejadian di alam ini adalah makhluk-Nya.<sup>122</sup>

Namun begitu, sebahagian mereka berpendapat bahawa keharusan Allah (S.W.T.) memberi syurga kepada hamba-Nya yang taat dan menyiksa hamba-Nya yang kufur hanyalah dari segi hukum akal. Manakala dari segi syarak wajib diiktikadkan bahawa orang mukmin akan dimasukkan ke dalam syurga manakala orang

---

<sup>121</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 57; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 23; **Usūl al-Tawḥīd**, hlm. 23; Muḥammad Ṭayyib al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 5, 11.

<sup>122</sup> Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 45; Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 30; Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 57; Muḥammad Azhari al-Falembānī, **op. cit.**, hlm. 39-40.

kafir akan dimasukkan ke dalam neraka. Ini kerana perkara tersebut telah dinyatakan oleh Allah dan Rasul-Nya.<sup>123</sup> Dalilnya firman Allah (S.W.T.) dalam Surah Ālī-‘Imrān (3):9, yang bermaksud:

**"Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji-janji-Nya."**

Dalam pada itu, Dāwud al-Faṭāñī ketika membicarakan masalah ini menerangkan bahawa janji membalas kebaikan adalah wajib bagi Allah (S.W.T.) melaksanakannya, kerana menyalahinya akan mengakibatkan kekurangan bagi Allah (S.W.T.). Tetapi berlainan pula dengan janji membalas kejahatan (kecuali kekufuran) kerana perkara tersebut menurut beliau adalah harus bagi Allah (S.W.T.) untuk menyalahinya.<sup>124</sup>

Sebagai kesimpulannya, dalam persoalan *al-Wa'd dan al-Wa'id* para ulama Kitab Jawi menjelaskan bahawa perkara tersebut adalah harus sahaja bagi Allah (S.W.T.). Di samping itu, terdapat juga di kalangan mereka yang berpendapat bahawa janji untuk membalas kebaikan merupakan kewajiban bagi Allah (S.W.T.) untuk

---

<sup>123</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 27. Lihat juga Zayn al-Ābidīn al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 53-54.

<sup>124</sup> Dāwud al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 46.

menunaikannya manakala janji untuk membalaas kejahatan adalah terpulang kepada kehendak Allah (S.W.T.).

Melihat persoalan ini dari perspektif al-Qur'an, Allah (S.W.T.) menegaskan bahwa Dia pasti akan mengadili secara saksama terhadap kepercayaan dan amalan manusia. Di antaranya ialah:

1. Surah Āli-'Imrān (3): 30

**"Pada hari ketika setiap diri mendapatkan segala kebaikan dihadapkan (kepadanya), begitu juga halnya dengan kejahatan yang dilakukannya. Ia ingin sekiranya antara ia dan hari itu ada masa yang jauh, dan Allah memperingatkan kamu terhadap (siksa)-Nya. Dan Allah amat menyayangi kepada hamba-hamba-Nya".**

2. Surah al-Kahf (18): 49

**"Dan mereka dapat apa yang telah mereka kerjakan (ada tertulis). Dan Tuhanmu tidak menganiayai seseorangpun".**

3. Surah Āli-'Imrān (3): 9

**"Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji-janji-Nya".**

Berdasarkan intisari ayat-ayat tersebut, nampaknya Allah (S.W.T.) memberi penekanan terhadap adanya konsep pembalasan baik dan buruk. Untuk mencapai maksud balasan baik atau buruk, al-Qur'an sendiri memperingatkan kepada manusia supaya memenuhi kehidupan di dunia dengan amalan ketakwaan dan kebijakan. Dalilnya:

**"Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memerhatikan apa yang telah dipersiapkannya untuk esok, dan bertakwalah ..."<sup>125</sup>**

### **3.8: Konsep Pengutusan Rasul-Rasul**

Para ulama Kitab Jawi turut menyentuh tentang konsep pengutusan para rasul dalam karya-karya mereka. Walaupun huraian mengenai konsep ini termasuk dalam perbahasan tentang perkara-perkara yang harus bagi Allah (S.W.T.) tetapi mereka menghuraikan dengan agak terperinci tentang sifat-sifat rasul, bilangan rasul dan perkara yang berkaitan dengan mukjizat para rasul itu sendiri.

---

<sup>125</sup> Al-Qur'an, Surah al-Hasyr (59): 18.

Menurut pendapat Asyā'irah, Allah (S.W.T.) tidak berkewajiban untuk mengutus para rasul bagi memimpin umat manusia. Ini berdasarkan keyakinan mereka bahawa Allah (S.W.T.) tidak mempunyai sebarang kewajiban terhadap manusia. Ini juga kerana mereka mempercayai tentang kekuasaan dan kehendak mutlak Allah. Lantaran itu, Allah tidak membuat sesuatu perkara untuk kepentingan manusia.<sup>126</sup>

Golongan Mu'tazilah pula berpendapat sebaliknya dengan menetapkan bahawa Allah (S.W.T.) mempunyai kewajiban untuk mengutus para rasul kepada manusia. Hujah mereka tentang wajibnya Allah mengutus para rasul ialah kerana akal tidak dapat mengetahui semua perkara tentang Tuhan dan alam ghaib. Oleh kerana Allah (S.W.T.) berkewajiban melakukan yang baik dan terbaik kepada manusia, maka pengutusan para rasul menjadi wajib bagi Allah. Tanpa pengutusan para rasul, manusia tidak akan dapat memperoleh kehidupan yang baik dan terbaik sama ada di dunia ataupun di akhirat.<sup>127</sup>

---

<sup>126</sup> Harun Nasution, **op. cit.**, hlm. 125-126.

<sup>127</sup> 'Abd al-Jabbār, **op. cit.**, hlm. 563-564. Lihat juga Zayn al-Ābidīn al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 52; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**, hlm. 27; Aḥmad al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 12.

Sehubungan dengan itu, menurut Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī golongan Mu'tazilah berpendapat kewajiban Allah (S.W.T.) mengutus para rasul adalah untuk mengelakkan berlakunya kejahatan dan kerosakan akibat perselisihan yang akan berlaku di kalangan manusia. Oleh itu, bagi mengelakkan berlakunya perkara yang sedemikian maka para rasul diutus serta dianugerahkan dengan beberapa mu'jizat bagi memperkuatkan kedudukan mereka.<sup>128</sup>

Golongan Barāhimah pula berpendapat bahawa pengutusan para rasul bersifat mustahil bagi Allah (S.W.T.). Justeru itu, mereka secara langsung menafikan kehadiran para rasul dalam kehidupan manusia. Bagi mereka segala-galanya bergantung kepada akal sahaja untuk menentukan kesemua perintah Allah (S.W.T.).<sup>129</sup>

---

<sup>128</sup> Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, *op. cit.*

<sup>129</sup> Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, hlm. 154; al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, hlm. 110; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, *op. cit.*; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, *Hidāyah al-Mutafakkirin*, hlm. 23. Menurut Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, al-Sanūsī mengatakan bahawa golongan Barāhimah hanya berpegang kepada akal dan tidak mahu mengikuti syarak. Golongan ini juga berpendapat bahawa termasuk perbuatan keji menyembelih binatang kerana menyakitinya, mencela orang yang sembahyang kerana meletakkan dahi ke tanah sedangkan tanah lebih mulia daripada anggota tubuh manusia, mengharuskan perbuatan zina dan berpendapat adalah mustahil Allah mengutus rasul. Selanjutnya bagi Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī bahawa Barāhimah berpendapat pengutusan rasul itu harus, namun tidak diperlukan. Justeru itu, Allah tidak pernah mengutus rasul. Sebahagian Barāhimah pula mengingkari pengutusan rasul dan sebahagian lagi berkata mustahil manakala

Menyentuh pandangan para ulama Kitab Jawi pula, mereka berpendapat bahawa pengutusan para rasul untuk memimpin umat manusia adalah tidak wajib bagi Allah (S.W.T.). Sebaliknya perkara tersebut hanya bersifat harus (*jā'iz*) sahaja bagi-Nya.<sup>130</sup> Meskipun pengutusan para rasul bersifat harus, namun mereka menetapkan bahawa mempercayainya adalah wajib menurut hukum syarak.<sup>131</sup>

Dalam persoalan ini, para ulama Kitab Jawi misalnya mengatakan bahawa menjadi sebahagian daripada perkara yang wajib bagi sekalian mukallaf mengetahui berkaitan dengan perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi para rasul.<sup>132</sup>

Sementara itu, Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī berpendapat bahawa tujuan pengutusan para rasul adalah untuk menyampaikan perintah Allah (S.W.T.) seperti menyampaikan berkenaan dengan

---

sebahagian yang lain menganggap pengutusan rasul tidak diperlukan. Lihat Zayn al-Ābidīn al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 52-53.

<sup>130</sup> **Ibid.**, hlm. 52; Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 16, 22; Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 52; Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 32; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **op. cit.**; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **op. cit.**; Muḥammad Tayyib al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 11; Muḥammad Mukhtār al-Bogorī, **op. cit.**, hlm. 4; Ahmad al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 12.

<sup>131</sup> Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 2.

<sup>132</sup> Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn, **op. cit.**, hlm. 22-23; Dāwud al-Faṭānī, **op. cit.**, hlm. 10; Seorang Ulama Jawi, **op. cit.**, hlm. 8.

janji membalas kebaikan dan kejahatan. Dengan yang demikian beliau menegaskan bahawa adalah wajib bagi seluruh manusia membenarkannya.<sup>133</sup>

Secara ringkasnya, pandangan para ulama Kitab Jawi adalah selari dengan Asyā'irah dalam membicarakan konsep pengutusan para rasul iaitu hanya bersifat harus. Ini berdasarkan pendapat mereka yang menetapkan bahawa Allah tidak mempunyai sebarang kewajiban kepada manusia. Justeru itu, semua perbuatan Allah adalah di peringkat harus sahaja.

Sehubungan dengan pendapat Asyā'irah dan seterusnya diikuti oleh para ulama Kitab Jawi yang menerangkan bahawa Allah (S.W.T.) tidak wajib mengutus para rasul, Harun Nasution mengulas bahawa sebenarnya pengutusan para ~~rasul~~ mempunyai kesan yang besar dan penting bagi manusia. Ini kerana menurut beliau tanpa pengutusan para rasul hidup manusia tidak akan sempurna kerana tanpa wahyu manusia tidak dapat membezakan di antara perbuatan baik dan buruk. Lantaran itu, manusia akan melakukan apa sahaja yang dikehendakinya.<sup>134</sup>

---

<sup>133</sup> Zayn al-Ābidīn al-Faṭāñī, **op. cit.**, hlm. 51.

<sup>134</sup> Harun Nasution, **op. cit.**, hlm. 125.

Dalam kaitan dengan persoalan ini, Harun Nasution menambah bahawa perkara tersebut tidak menjadi masalah kerana Asyā'irah menetapkan Allah (S.W.T.) berkuasa mutlak, jika Allah (S.W.T.) menghendaki manusia hidup dalam kesejahteraan dan keamanan, maka Allah boleh melakukannya.<sup>135</sup>

---

<sup>135</sup> **Ibid.**